

## **BAHAGIAN PELESENAN**

### **SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN BAGI PUSAT KESIHATAN / URUT**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1.	<p>Semua bilik / ruang yang digunakan untuk aktiviti pusat kesihatan seperti cafetaria, tandas, bilik persalinan, bilik mandi, spa-pool, bilik senaman, bilik mengurut, tempat membasuh tangan dan di kawasan basah :-</p> <p>a).Lantai- ubin ceramic ( non-slip ) 4 inci x 8 inci-warna cerah</p> <p>b).Dinding-ubin glazed ceramic-6 inci x 6 inci – warna cerah</p> <p>c).Pintu keluar masuk mestilah diperbuat dari kaca lutsinar dan boleh menutup dengan sendiri ( swing-door ).</p>
2.	<p>Peraturan khas untuk bilik urut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Reka bentuk bilik urut hendaklah mengikut konsep terbuka.</li> <li>b. Bilik tersebut tidak boleh digunakan secara perseorangan.</li> <li>c. Bilik tersebut tidak dibenarkan mempunyai sebarang sekatan seperti dinding, langsin, skrin, cermin, ‘ Venetian blind’ dan sebagainya.</li> <li>d. Tidak boleh menggunakan katil tilam, hanya boleh menggunakan ‘bench’ khas untuk ‘therapy’ pengurutan yang diluluskan oleh Unit Kesihatan MDKS.</li> <li>e. Bilangan ‘bench’ ‘therapy’ tersebut bergantung kepada ruang berukuran 60 kaki persegi (10kaki x 6 kaki ) setiap unit.</li> <li>f. Bilik tersebut mestilah mempunyai lampu yang cukup terang.</li> <li>g. Tiap-tiap pekerja hendaklah mempunyai sijil kemahiran yang dikeluarkan oleh persatuan atau agensi yang diiktirafkan oleh Unit Kesihatan MDKS.</li> <li>h. Orang-orang yang beragama islam tidak dibenarkan masuk ke tempat urut sebagai pelanggan atau bekerja sebagai tukang urut.</li> <li>i. Papan tanda “Orang-orang Islam Tidak Dibenarkan Masuk Atau Melanggan di Tempat Urut”.</li> <li>j. Semua nama pekerja dan nama pengurut sebelum di ambil bekerja hendaklah didaftarkan dengan Bahagian Pelesenan, MDKS.</li> <li>k. Semua aktiviti mengurut hendaklah dilakukan oleh pengurut lelaki bagi orang lelaki dan pengurut perempuan bagi perempuan.</li> </ul>
3.	Semua pekerja-pekerja di pusat kesihatan hendaklah disahkan layak menjalani tugas masing-masing serta memakai tanda nama (name tag ).
4.	Mengadakan buku pendaftaran bagi penguna-penguna di Pusat Kesihatan.
5.	Mempamerkan dengan jelas segala peraturan-peraturan yang ditentukan untuk dipatuhi oleh pekerja dan penguna termasuk :-
<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>

	a. Dilarang meminum arak
	b. Dilarang menghisap rokok
	c. Dilarang bermain judi
	d. Dilarang melakukan sebarang aktiviti atau tindakan yang ganas, lucah, serta perkara yang memalukan.
6.	Pekerja dan pengguna yang berumur di bawah 21 tahun tidak dibenarkan masuk ke pusat kesihatan.
7.	Tidak dibenarkan membawa masuk makanan ke dalam Pusat Kesihatan kecuali di tempat khas yang berlesen MDKS.
8.	Semua pekerja di tempat kesihatan hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan.
9.	Mengadakan tong sampah "litter bin" yang mencukupi dan mengikut piawai daripada Unit Kesihatan, MDKS.
10.	Premis Pusat Kesihatan hendaklah mempunyai sijil Kelayakkan Menduduki banggunan (CF) daripada MDKS.
11.	Semua pekerja hendaklah memakai pakaian yang bersih dan sopan.
12.	Waktu perniagaan yang dibenarkan ialah 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.
13.	Kelengkapan mencegah kebakaran seperti alat pemadam api hendaklah disediakan dengan secukupnya dan dipasang ditempat yang mudah dilihat.
14.	Semua laluan, tangga, jalan keluar dan masuk hendaklah bebas dari sebarang halangan.
15.	Bagi premis yang disewakan kepada orang lain (penyewa), penyewa perlu mendapatkan kebenaran, persetujuan dan tandatangan daripada pemilik premis sebelum menjalankan perniagaan mereka.
16.	Jika didapati premis tersebut terbabit menjalankan perniagaan yang menyalahi undang-undang, surat amaran akan diberikan dan tindakan pembetulan perlu dilakukan dalam tempoh 14 ke 21 hari.
17.	Sekiranya masih gagal melakukan tindakan pembetulan, amaran seterusnya akan diberikan untuk tempoh 3 hingga 4 bulan.